

07 DISEMBER 2017

Pengantin baharu ditahan bersama 23.7kg ganja

Ms.26

Khamis, 7 Disember 2017 BH

→ JENAYAH

Pengantin baharu ditahan bersama 23.7kg ganja

[FOTO ESSA ABU YAMIN/BH]

→ Ketua Geng Doyok sorok ketulan dalam longgokan hadiah kahwin

Oleh Mohamed Farid
Nohfarid_noh@bh.com.my

Batu Pahat

Sepasang pengantin baharu ditahan polis susulan penemuan 23.7 kilogram (kg) ketulan ganja mampat dianggarkan bernilai RM72,000 dalam bilik mereka, di Sungai Dulang Darat Rengit, dekat sini, Isnin lalu.

Pasangan berusia 26 tahun dan 24 tahun itu ditahan selepas polis

menemui 24 ketulan ganja mampat yang disembunyikan dalam tiga kotak berasing bersama longgokan hadiah perkahwinan mereka.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Abdul Wahib Musa, berkata pasangan itu berkahwin Oktober lalu dan baru mengadakan majlis resepsi minggu lalu di kediaman pengantin lelaki.

Katanya, turut ditahan, dua lagi suspek yang juga adik perempuan dan sepupu pengantin lelaki, yang berusia 24 tahun dan 23 tahun.



Abdul Wahib (tengah) bersama pegawai menunjukkan sebahagian daripada 24 ketulan mampat ganja yang dirampas.

"Pengantin lelaki adalah suspek utama dan ketua sindiket Geng Doyok, yang aktif mengedar ganja sejak tujuh bulan lalu untuk pasaran daerah ini dan Pontian.

Beralut plastik lutsinar

"Hasil pemeriksaan di dalam bilik pengantin berkenaan menemui 24 ketulan ganja mampat berbalut plastik lutsinar seberat 23.7 kg dan dianggarkan bernilai RM72,000.

"Ujian saringan air kencing dua suspek lelaki iaitu pengantin lelaki,

yang juga pemandu lori serta sepupunya turut positif dadah, namun keempat-empat mereka tiada sebarang rekod kesalahan lampau.

"Polis turut merampas sebuah kereta Proton Wira dan wang tunai RM300 milik suspek utama. Kita dalam usaha mengesan akaun milik semua suspek untuk tindakan lanjut," katanya.

Abdul Wahib berkata, semua suspek ditahan reman seminggu sejak kelmarin sehingga Isnin depan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B

Akta Dadah Berbahaya 1952, yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Katanya, ganja berkenaan dipercayai diperoleh sindiket berkenaan dari Thailand dan diseludup masuk serta diedarkan di sini.

Beliau berkata, penahanan empat suspek serta rampasan 23.7 kg ketulan ganja mampat itu adalah antara kejayaan terbesar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, tahun ini, selepas lima bulan risikan dibuat.